

BEBAS PALESTIN DARI YAHUDI DR. M: ILMU SANGAT PERLU...

ALOR STAR, Khamis — Negara-negara Islam boleh bertindak lebih dari sekadar menutup pejabat-pejabat kerajaan sebagai membantah kejadian serangan di Masjid Al-Aqsa dan Masjid Omar sekiranya umat Islam tidak lemah dan hidup berpecah belah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini sekiranya umat Islam bersatu padu mereka akan menjadi kuat dan boleh saja mengambil tindakan lebih berkesan untuk membebaskan Palestin dan mengambil semula hak-hak mereka yang dijajah oleh Yahudi.

Beliau menarik perhatian umat Islam kepada seruan Tuhan supaya umat Islam bersatu padu dan membuat segala persiapan melindungi hak-hak mereka.

Akan datang kekuatan

Katanya, dalam hubungan ini tiada persiapan yang lebih utama selain dari ilmu pengetahuan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan projek perumahan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pertama di Bukit Tinggi dekat sini. Pembinaan 500 unit rumah dan rumah kedai di atas kawasan 51 hektar akan bermula bulan Jun ini.

Perdana Menteri yang tiba di sini dari Sarawak semalam, berkata sekiranya umat Islam bersatu padu sudah pasti mereka akan menjadi kuat.

"Bila kita sudah ada kekuatan, tindakan kita untuk menolong orang-orang Palestin tidak terhad kepada menutup pejabat saja. Sebaliknya, kita mungkin mampu mengambil tindakan lebih berkesan," katanya sambil mengutuk Israel kerana memandang sepi perbuatan serangan menghina umat Islam seluruh dunia.

Malaysia bersama negara-negara Islam lain sepakat menutup semua pejabat kerajaan membantah kejadian tersebut.

Perdana Menteri menyatakan kesalnya kerana umat Islam sekarang amatlah lemah dan mereka sengaja dipecahbelahkan supaya mereka menjadi lebih lemah.

Beliau berkata kerajaan akan menyatupadukan umat Islam khususnya mereka di Malaysia serta menekankan kepada mereka betapa pentingnya menguasai ilmu pengetahuan sekiranya mereka mahu mempertahankan kedudukan mereka sebagai umat Islam.

Katanya, sekiranya umat Islam sudah menguasai sains dan teknologi segala-galanya boleh dibuat sendiri dan tidak perlu lagi mereka mengemis kepada negara-negara lain mendapatkan peralatan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2603
No. Penerimaan 348/BS